



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"IBRAH DARIPADA PEPERANGAN AHZAB"

10 April 2026 / 21 Syawal 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي صَدَقَ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ. أَشْهَدُ
أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا
عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا³ اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Sudah 21 hari kita berada di bulan Syawal. Mimbar pada hari ini akan menyoroti satu peristiwa penting dalam sejarah Islam yang berlaku pada bulan Syawal, melalui khutbah bertajuk,

"IBRAH DARIPADA PEPERANGAN AHZAB"

Perang Ahzab, merupakan peristiwa pengepungan Madinah selama lebih empat minggu oleh gabungan orang Arab dan Yahudi, berlaku pada bulan Syawal dan berakhir pada 7 Zulkaedah tahun kelima Hijrah. Ibrah bermaksud pengajaran. 'Ahzab' bermaksud golongan yang bersepakat untuk memerangi Rasulullah SAW. Perang ini berpunca daripada dendam dan hasutan kaum Yahudi Bani Nadhir yang diusir dari Madinah, bersatu dengan Musyrikin Quraisy dan kabilah-kabilah Arab yang takut melihat pengaruh Islam yang semakin berkembang. Gabungan ini membentuk tentera 'ahzab', berjumlah lebih 10,000 orang, dilengkapi dengan ratusan kuda dan unta, berhasrat mahu menghapuskan Islam dan menamatkan

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



dakwah Rasulullah SAW; sedangkan orang Islam yang dipimpin oleh Rasulullah SAW untuk mempertahankan Madinah hanya sekitar tiga ribu orang.

Peperangan Ahzab juga dikenali sebagai 'Peperangan Khandak', bermaksud parit, kerana strategi utama umat Islam ketika itu ialah menggali parit besar di bahagian utara kota Madinah sebagai benteng pertahanan. Sebaik menerima berita Madinah akan diserang, Rasulullah SAW bermesyuarat dengan para sahabat. Salman al-Farisi RA, mencadangkan agar digali parit sebagai strategi pertahanan. Cadangan tersebut walaupun cadangan yang asing dalam kalangan bangsa Arab, telah diterima oleh Rasulullah SAW.

Baginda turun bersama para sahabat, mengangkat tanah, memecahkan batu, dan merasai kelaparan yang sama untuk menyiapkan parit dengan semangat yang tidak pernah luntur seperti yang disebut dalam hadis:

كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَنْقُلُ مَعَهُمُ التُّرَابَ يَوْمَ الْخَنْدَقِ حَتَّىٰ اغْبَرَّتْ بَطْنُهُ

Maksudnya: Nabi SAW turut mengangkut tanah bersama mereka (para sahabat) pada hari Khandak sehingga perut Baginda dipenuhi debu. (Riwayat al-Bukhari)

Ketika tentera Ahzab sampai, mereka terkejut menemui parit yang menghalang kemaraan mereka dan mula merasa goyah. Pada waktu yang sama, dari dalam Madinah berlaku pengkhianatan oleh Yahudi Bani Qurayzah yang melanggar piagam Madinah. Piagam yang menjanjikan keadilan kepada semua penduduk Madinah dengan syarat sama-sama mempertahankan Madinah jika diserang. Namun, Bani Qurayzah telah belot, memilih untuk bersama Musyrikin Mekah. Keadaan orang beriman ketika itu digambarkan oleh Allah SWT melalui firman Nya:

﴿وَلَمَّا رَأَى الْمُؤْمِنُونَ الْأَحْزَابَ قَالُوا هَذَا مَا وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَصَدَقَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَمَا زَادَهُمْ إِلَّا إِيمَانًا وَتَسْلِيمًا ﴿٢٢﴾﴾



Maksudnya: Dan ketika orang yang beriman melihat tentera al-Ahzab, mereka berkata, "Inilah yang telah dijanjikan oleh Allah dan Rasul-Nya kepada kami. Benarlah (apa-apa yang telah dijanjikan) Allah dan Rasul-Nya. (Angkatan tentera musuh yang dilihat oleh mereka) itu tidak memberi kesan selain menambahkan iman dan penyerahan diri mereka kepada Allah. (Surah al-Ahzab ayat 22)

Ketika saat paling genting, Rasulullah SAW mengangkat tangan berdoa dengan penuh pengharapan kepada Allah SWT:

اللَّهُمَّ مُنْزِلَ الْكِتَابِ، سَرِيعَ الْحِسَابِ، اهْزِمِ الْأَحْزَابَ، اللَّهُمَّ اهْزِمِهِمْ وَزَلِّهِمْ

Maksudnya: Wahai Tuhan yang menurunkan Kitab, Yang Maha Cepat dalam membuat perhitungan, kalahkanlah tentera Ahzab, Ya Allah kalahkan dan goncangkan mereka. (Riwayat Muslim)

Jemaah yang dimuliakan

Allah SWT menukilkan kisah peperangan kaum Muslimin menentang tentera Ahzab dan bagaimana datangnya bantuan Allah melalui firman Nya yang bermaksud:

"Wahai orang yang beriman, ingatlah nikmat Allah (yang dikurniakan) kepada kamu ketika bala tentera (al-Ahzab), datang kepadamu, lalu Kami kirimkan kepada mereka angin taufan (yang kencang) dan bala tentera (dalam kalangan Malaikat) yang tidak dapat kamu lihat! Dan (ingatlah), Allah Maha Melihat apa-apa yang kamu lakukan. Ketika itu, tentera musuh datang melanggar kamu dari sebelah atas (timur) dan dari sebelah bawah (barat) (tempat pertahanan) kamu dan ketika penglihatanmu tidak tentu arah (kerana gempar dan bingung) dan hatimu resah gelisah (kerana cemas takut) dan kamu berprasangka pula terhadap Allah dengan pelbagai sangkaan" (Surah al-Ahzab ayat 9 dan 10)



Berkat kesungguhan, kebijaksanaan perancangan dan keyakinan sepenuhnya kepada Allah, dengan pertolongan Allah SWT, umat Islam mencapai kemenangan. Angin kencang bertiup dahsyat hingga khemah musuh tercabut, api mereka terpadam, hati mereka dipenuhi ketakutan. Tanpa pertempuran besar, mereka tewas dan berundur. **Jemaah Rahimakumullah**

Peristiwa ini mengandungi beberapa ibrah atau pengajaran penting.

Pertama: Umat Islam wajib bersiap sedia untuk menghadapi ancaman musuh yang sentiasa membuat kesepakatan (ahzab) untuk mengalahkan Islam dan menghentikan kebenaran agama Tauhid.

Kedua: Umat Islam mesti bersepakat merancang strategi dan usaha yang bijaksana dalam menghadapi cabaran dan menguruskan kemaslahatan ummah. Konsep syura hendaklah diutamakan dengan mengalu-alukan cadangan bernas yang membawa kebaikan selagi tidak bercanggah dengan prinsip syariat.

Ketiga: Kesatuan adalah kunci kekuatan dan kemenangan. Oleh itu, ummah dianjurkan memberi tumpuan kepada titik persamaan dan bertolak ansur pada perkara-perkara khilafiah.

Keempat: Umat Islam sentiasa berdoa memohon pertolongan Ilahi. Pertolongan Allah sentiasa dekat bersama orang beriman asalkan kita terus berdoa tanpa putus asa.

Kelima: Pemimpin hendaklah meneladani Rasulullah SAW yang sentiasa bersama umatnya sewaktu susah dan senang.

Mimbar menyimpulkan bahawa perang Ahzab mengajar kita bahawa kemenangan bukan semata-mata bergantung kepada jumlah tentera atau kekuatan senjata, tetapi kepada kebijaksanaan strategi, kesatuan hati, kecekalan usaha dan tawakkal kepada Allah serta doa. Kini, umat Islam sedang berdepan dengan 'ahzab moden'. Bersama kita kukuhkan perpaduan, teguhkan iman dan amal, serta tingkatkan kebijaksanaan untuk menghadapinya. Semoga Islam dan umatnya terus gemilang dan kuat dan mendapat pertolongan Allah SWT.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Kurniai kami kesedaran menghayati peristiwa Peperangan Ahzab, agar daripadanya kami menyuburkan iman, tawakkal dan kesatuan hati dalam menghadapi musuh-musuh yang bersekutu. Sebagaimana Engkau membantu Rasulullah SAW dan para sahabat ketika berdepan dengan tentera Ahzab, maka bantulah umat Islam yang kini sedang menghadapi ancaman tentera ahzab moden dalam pergolakan dunia yang sedang berlaku di Asia Barat.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikan harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi umat Islam yang sedang dizalimi serta ditindas oleh musuh-musuh Islam terutamanya umat Islam di Palestin dan Iran yang kini menjadi mangsa kezaliman rejim Zionis Israel, bersama Amerika Syarikat dan sekutu mereka; limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada hamba-hamba Mu di bumi Palestin dan Iran untuk dapat kembali hidup dalam suasana yang aman, selamat serta makmur.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.



Ya Maalikal Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

KEPADA KHATIB / IMAM BERTUGAS

PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT 10 APRIL 2026

PERKARA: “PROGRAM KARNIVAL PENDIDIKAN MARA NEGERI PERAK 2026”

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sidang Jemaah yang dimuliakan

Di sini ada satu pengumuman yang akan saya kongsikan, Majlis Amanah Rakyat (MARA) negeri Perak diamanahkan untuk mengendalikan program “**KARNIVAL PENDIDIKAN MARA NEGERI PERAK 2026**” yang akan berlangsung seperti berikut:

Tarikh: 11 hingga 12 April 2026 (Sabtu dan Ahad)

Tempat: Mydin Mall Meru Raya Ipoh Perak

Waktu: 10.00 pagi hingga 10.00 malam

Karnival yang diadakan ini bertujuan memberi pendedahan peluang pendidikan dan antara aktiviti dan pengisian adalah:

- Permohonan program pengajian
- Pemetaan dan laluan kerjaya
- Semakan dan tawaran kemasukan
- Sesi konsultasi pendidikan
- Pembiayaan dan bantuan pendidikan
- Surat tawaran terus (On the spot offer)
- Perkongsian kisah kejayaan alumni
- Pelbagai cabutan bertuah

Para Jemaah terutama mereka yang mempunyai anak-anak lepasan SPM, atau anak-anak yang sedang belajar di peringkat sekolah menengah dijemput hadir memeriahkan Karnival ini.